



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

23 SEPTEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,629 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 190,951 kes. Sebanyak lapan (8) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu empat (4) kes di Sandakan, dua (2) kes di Lahad Datu dan masing-masing satu (1) kes di Kota Kinabalu dan Nabawan. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 446 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 166,304 orang. Manakala 3,714 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,309 orang di hospital, 2,329 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 70 orang di Pusat Tahanan Sementara(PTS) / Penjara manakala enam (6) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 177 orang merangkumi 148 di ICU/repurposed kritikal care serta 29 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 63 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Sabah mencatatkan trend peningkatan ketara hari ini. Hari ini jumlah kes yang direkodkan ialah (1,629) kes dengan peningkatan ketara sebanyak (+430) kes berbanding semalam.
- b Secara keseluruhan, perbandingan statistik semalam dengan hari ini menunjukkan perubahan angka jangkitan yang tidak statik dan peningkatan angka jangkitan pada hari ini selari dengan bilangan daerah yang merekodkan peningkatan kes iaitu dengan statistik sembilan (9) daerah mencatatkan penurunan, (15) daerah mencatatkan peningkatan kes, tiga (3) daerah iaitu Tenom, Kalabakan dan Kuala Penyu kekal dengan catatan sebagaimana semalam dan satu (1) daerah iaitu Kuala Penyu mencatatkan sifar (0) kes.
- c Kota Kinabalu mencatatkan sedikit peningkatan yang tidak signifikan iaitu dengan catatan (153) kes, merekodkan peningkatan sebanyak cuma (+3) kes. Kawasan perbandaran lain merekodkan peningkatan kecuali Lahad Datu, Putatan dan Papar.
- d Antara daerah lain yang mencatatkan peningkatan ketara ialah Ranau (+162) kes, Kinabatangan (+137) kes, Kota Marudu (+60) kes, Keningau (+36) kes, Kudat (+26) kes, Tuaran (+24), Sipitang (+21), Sandakan (+19), Penampang (+15) dan Kota Belud (+15). Di Kinabatangan (157) kes daripada (167) kes baharu datang daripada tiga (3) kluster sedia ada di Daerah tersebut.
- e Di Daerah Kota Kinabalu, (29) kes daripada kes hari ini melibatkan OKT dan (29) kes adalah pekerja-pekerja pelantar minyak offshore.
- f Daerah lain yang mencatatkan penurunan ketara pula ialah Beluran (-25) kes, Telupid (-23) kes, Papar (-21) kes, Tongod (-12) kes dan Putatan (-11) kes. Terdapat (35) kes melibatkan OKT/bantuan yang dicatat hari ini.

- g Daripada (1,629) kes yang didaftar hari ini, (413) kes atau 25.35% adalah kes-kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (47) kes atau 2.89% adalah lewat daftar 4 hingga 5 hari dan (35) kes atau 2.15% adalah kes yang berdaftar lewat melebihi 5 hari.
- h Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama keseluruhan kes di Sabah hari ini dengan (892) kes atau 54.8%, Saringan Bergejala (385) kes atau 23.6%, (194) kes atau 11.9% daripada Saringan Kluster, sifar (0) kes dari Saringan Bersasar dan (158) kes atau 9.7% melalui Saringan Lain-lain.
- i Daripada 1,629 kes yang berdaftar hari ini, (641) kes atau 39.35% adalah pesakit dalam Kategori 1, (847) kes atau 52.00% dalam Kategori 2, enam (6) kes dalam Kategori 3, lapan (8) kes dalam Kategori 4 dan lapan (8) kes dalam Kategori 5. (119) kes masih dalam siasatan. 84.90% daripada jumlah keseluruhan pesakit adalah warganegara Malaysia.
- j Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (892) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	194	11.9%
2	Bergejala	385	23.6%
3	Kontak	892	54.8%
4	Bersasar	0	0.0%
5	Lain-lain	158	9.7%
JUMLAH		1,629	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (22 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 22/09/2021	Catatan Kes 23/09/2021	Perbandingan
1	Ranau	31	193	+162
2	Kinabatangan	30	167	+137
3	Kota Marudu	54	114	+60
4	Keningau	66	102	+36
5	Kudat	17	43	+26
6	Tuaran	63	87	+24
7	Sipitang	8	29	+21
8	Sandakan	102	121	+19
9	Penampang	47	62	+15
10	Kota Belud	49	64	+15
11	Pitas	70	79	+9
12	Tambunan	11	18	+7
13	Tawau	48	55	+7
14	Kota Kinabalu	150	153	+3
15	Kunak	16	17	+1
16	Tenom	26	26	Mendatar
17	Kalabakan	8	8	Mendatar
18	Kuala Penyu	0	0	Mendatar
19	Beluran	36	11	-25
20	Telupid	42	19	-23
21	Papar	63	42	-21
22	Tongod	38	26	-12
23	Putatan	63	52	-11
24	Lahad Datu	100	93	-7
25	Beaufort	14	9	-5
26	Nabawan	37	33	-4
27	Semporna	10	6	-4
JUMLAH		1,199	1,629	+430

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (09 – 22 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Ranau	9	151	9	0	24	193	924
Kinabatangan	157	4	6	0	0	167	872
Kota Kinabalu	0	60	33	0	60	153	3360
Sandakan	0	52	42	0	27	121	2127
Kota Marudu	0	69	40	0	5	114	1044
Keningau	27	59	16	0	0	102	1064
Lahad Datu	0	42	43	0	8	93	1592
Tuaran	0	71	14	0	2	87	1565
Pitas	0	78	1	0	0	79	696
Kota Belud	0	34	24	0	6	64	1028
Penampang	0	36	25	0	1	62	1178
Tawau	0	20	24	0	11	55	981
Putatan	0	21	23	0	8	52	850
Kudat	0	32	10	0	1	43	472
Papar	0	17	24	0	1	42	1250
Nabawan	1	27	5	0	0	33	418
Sipitang	0	25	3	0	1	29	122
Tongod	0	21	5	0	0	26	281
Tenom	0	18	8	0	0	26	398
Telupid	0	17	2	0	0	19	456
Tambunan	0	17	1	0	0	18	233
Kunak	0	9	8	0	0	17	336
Beluran	0	5	5	0	1	11	586
Beaufort	0	5	4	0	0	9	242
Kalabakan	0	2	6	0	0	8	247
Semporna	0	0	4	0	2	6	222
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	59
JUMLAH	194	892	385	0	158	1,629	22,603

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Keningau	Kluster Batu 46 Tulid	27
Nabawan	Kluster Sawit Simpang Batu 38	1
Ranau	Kluster Lungkidau	9
Kinabatangan	Kluster Sawit Kinabatangan 2	32
	Kluster Sawit M1	25
	Kluster Sungai Bendera	100
JUMLAH		194

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Batu 46 Tulid - Keningau merupakan kluster jenis tempat kerja yang melibatkan kes positif dalam kalangan pekerja dan keluarga pekerja di sebuah syarikat pemuliharaan hutan yang terletak di Mukim Tulid, Sook. Kes indeks adalah pekerja lelaki, 33, yang dikesan positif COVID-19 hasil saringan tempat kerja pada 19 September 2021. Saringan kontak rapat yang dilakukan bermula 19 hingga 22 September 2021 menunjukkan pertambahan bilangan kes positif. Punca yang disyaki bagi penularan kluster ini adalah jangkitan daripada komuniti yang merebak kepada pekerja-pekerja di dalam kem syarikat pemuliharaan hutan tersebut. Setakat hari ini, jumlah kumulatif kes positif ialah 48 kes termasuk 27 kes baharu yang melibatkan Mukim Tulid dan Sook di Keningau.

7 Jumlah kapasiti katil 7,275 unit

- Hospital 1,961 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,614 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 51.05%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 23 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,571
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	21
Orang Dalam Tahanan /Banduan	35
Jumlah	1,629

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	4
Selangor	15
WP Labuan	2
Jumlah	21

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Uganda	1
Jepun	1
Jumlah	2

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,383
Bukan Malaysia	246
Jumlah	1,629

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	340
Belum Menerima Vaksin	681
Menerima 1 Dos	71
Lengkap 2 Dos	537
Jumlah	1,629

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	18
1 to 5	141
6 to 11	181
12 to 17	155
18 to 25	206
26 to 59	776
>60	152
Jumlah	1,629

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 23 September 2021)
1	Ranau	4
2	Kota Kinabalu	3
3	Kota Marudu	3
4	Tawau	3
5	Beluran	2
6	Keningau	2
7	Kudat	2
8	Kota Belud	1
9	Lahad Datu	1
10	Papar	1
11	Telupid	1
JUMLAH		23

D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Kampung Pangkalan Abai, Kota Belud	25 September 2021	8 Oktober 2021

E PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Dua (2) lokaliti di Ranau <ul style="list-style-type: none">Kampung Lembah PermaiKampung Desa Aman	11 September 2021	Ditamatkan pada 24 September 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Sekolah Henry Gurney, Keningau	11 September 2021	Ditamatkan pada 24 September 2021 seperti yang dijadualkan
3.	Taman Sungai Labuk, Beluran	11 September 2021	Ditamatkan pada 24 September 2021 seperti yang dijadualkan
4.	Kampung Timug, Matunggong, Kudat	11 September 2021	Ditamatkan pada 24 September 2021 seperti yang dijadualkan

F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 22 September 2021 adalah seramai 49,785 orang. Daripada jumlah ini, seramai 29,145 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 20,640 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 atau Cansino setakat 22 September 2021 adalah seramai 2,103,625 orang. Ini meliputi 1,965,749 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 72.4% jumlah penduduk dewasa, manakala bagi penerima dos lengkap adalah seramai 1,635,268 atau mewakili 60.2% dan seramai 164,876 orang penduduk remaja bersamaan 38.7% jumlah penduduk remaja.

G BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **609,973** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 75 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 38,679 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 95 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 62 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 22 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Empat (4) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - 13 Orang : Gagal Memakai Pelitup Muka
 - Tiga (3) Orang : Rentas Daerah/Negeri Tanpa Kebenaran
 - Satu (1) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - Satu (1) Orang : Keluar Rumah Tanpa Alasan Munasabah
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 149 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 26 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,027 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.

ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 317 premis perniagaan dan 423 individu di 18 kawasan. Tujuh belas (17) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Anna Beauty Salon (1 Orang), Pott Grill Bar, Aeropod (1 Orang), Local Meat Market (1 Orang), Razi Enterprise, Kepayan (1 Orang), Kawaii Lintas - Kawaii Central Plaza Kepayan (1 Orang), Cyclopath Bike Co., Aeropod (1 Orang), Welcome to SOG Eyewear, Central Plaza (1 Orang), Lof Cafe, Aeropod Commercial Square (1 Orang), Ridge Unisex Hairdressing Salon (1 Orang), JED Corner, Central Plaza (1 Orang), 7 Eleven, Kepayan Ridge (1 Orang), Postore, Central Plaza (1 Orang) dan Hotel Lintas Plaza (1 Orang). Kesalahan tidak memakai pelitup muka / tidak memakai pelitup muka dengan betul di Milky Way, Lintas Plaza (1 Orang), Smart Phone Accessories Sdn. Bhd., Lintas Plaza (1 Orang), Ai Gadget, Lintas Plaza (1 Orang) dan Restoran Golden Valley, Kepayan (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 299 Premis Perniagaan melibatkan 144 anggota APM. Sebanyak empat (4) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 28 premis, melibatkan sembilan 15 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 68 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 200 hebahan di seluruh Sabah.

i KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **96.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	97%
2	Beluran	97%
3	Keningau	97%
4	Beaufort	97%
5	Papar	97%
6	Kudat	97%
7	Penampang	97%
8	Kunak	96.5%
9	Tuaran	96.5%
10	Sandakan	96.5%
11	Kota Marudu	96.5%
12	Ranau	96.5%
13	Sipitang	96.5%
14	Tawau	96.5%
15	Kota Belud	96%
16	Tenom	96%
17	Kota Kinabalu	96%
18	Kinabatangan	96%
19	Lahad Datu	96%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**